

10/03/1997

SELS College London dapat pengiktirafan

Ibrahim Saad

BAGI Datuk Yunus Raiss, 63, beliau sudah sampai di kemuncak karier dan matlamat hidup apabila SELS College London iaitu kolej yang mengajar bahasa Inggeris mendapat pengiktirafan bukan saja di Britain, malah di peringkat antarabangsa.

SELS ialah singkatan kepada perkataan 'Study English Language Successfully'.

"Sejak ditubuhkan pada 1975, kira-kira 25,000 pelajar dari seluruh dunia mengikuti pelbagai peringkat kursus bahasa Inggeris di kolej ini," kata Yunus sewaktu ditemui di premis kolej berkenaan di Corent Garden, kawasan berprestij dan terkenal sebagai pusat kebudayaan dan kesenian terunggul di tengah bandar raya London.

"SELS College disenaraikan oleh British Council dan British Travel Authority (BTA) sebagai salah sebuah kolej belajar bahasa Inggeris yang bermutu tinggi di Britain," katanya yang menjawat jawatan pengetua dan pengarah kolej itu.

Menurutnya, pengiktirafan itu sangat bermakna bukan saja membantu mendapatkan pelajar dari negara asing yang datang ke Britain, malah ia ditubuh dan diselenggarakan oleh bukan seorang yang berketurunan Inggeris tetapi orang asing yang menguasai bahasa itu dengan baik.

Menurut Yunus, perkara kedua yang dibanggakan ialah, beliau diterima sebagai 'Fellow of the Royal Society of Arts (FRSA)' pada 1993. Anugerah itu hanya diberi kepada seseorang yang diiktiraf sumbangannya dalam sesuatu bidang profesionalisme jurusan sastera.

Dalam kes Yunus itu, ia dirujuk kepada sumbangannya dalam pengajaran bahasa Inggeris. FRSA diwujudkan 250 tahun lalu, berfungsi sebagai badan untuk mengenal pasti seseorang tokoh atau ahli akademik yang banyak memberi sumbangan dalam bidang yang diterokainya dan tidak berkaitan dengan sains.

"Saya berasa berpuas hati dengan segala yang saya kecapai sekarang, termasuk dengan pengiktirafan berkenaan," katanya.

Beliau berasal dari Batu Gajah, Perak itu mendapat pendidikan di Malaysia dan Britain dengan usaha dan belanja sendiri.

Pembabitannya sebagai guru bahasa Inggeris bermula apabila beliau diterima mengikuti kursus perguruan di Kirby, England, pada 1954. Selepas tamat kursus, beliau mengajar di Bota Kanan, Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) Tanjung Malim, Perak dan di Sekolah Datuk Abdul Razak (SDAR), Seremban.

Selepas itu beliau kembali semula ke Britain untuk mengambil beberapa ijazah di peringkat Ijazah Pertama dan Sarjana, termasuk di bidang undang-undang di Lincoln Inn.

"Semua yang diperoleh ini adalah usaha saya sendiri dan pelbagai pengalaman pahit maung yang menjadi kenangan abadi saya sebagai seorang budak miskin yang tercicir persekolahannya," kata Yunus.

Katanya pada 1974, beliau pulang ke Malaysia kerana mendapat tawaran sebagai pensyarah bahasa Inggeris di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tetapi membuat keputusan untuk menolak kerana bimbang dengan keadaan pada masa itu, iaitu tunjuk perasaan pelajar.

Selepas kembali semula ke Britain, beliau bertekad untuk menubuhkan kolej sendiri yang membawa kepada penubuhan SCL pada 1975.

"Matlamat SCL ialah untuk wujud sebagai institusi mengajar Bahasa Inggeris yang bermutu dan mempunyai reputasi yang tinggi. Prinsip ini saya

pertahankan sejak ditubuhkan sehingga sekarang,.

"Saya tidak berniat membina kekayaan melalui SCL kerana wang bukan segala-galanya tetapi sekadar mempunyai wang yang cukup untuk kebebasan saya.

"Sebab itu saya tidak membesarkan kolej ini, membuka cawangan atau mewujudkan kolej berkembar. Jika SCL diperkembangkan, saya tidak dapat memberi tumpuan secara peribadi terhadap perjalanan kolej, guru-guru dan pelajar," katanya.

SCL menyediakan lapan peringkat kursus daripada peringkat permulaan hingga Peperiksaan Kelayakan Universiti Cambridge.

Masa belajar boleh disesuaikan dari 15 hingga 30 jam seminggu bagi pelajar sepenuh masa dan di antara empat hingga 10 jam seminggu bagi pelajar yang bekerja.

Tempoh berkursus juga berdasarkan kepada keperluan pelajar sendiri dari dua minggu hingga 10 minggu atau lebih.

Yuran kursus juga berbeza berdasarkan jenis kursus diambil iaitu dari RM500 seminggu hingga RM4,500 seminggu.

Pengarah syarikat Marlboro Classic di Itali, Dino Lobato, membayar kira-kira RM3,200 seminggu selama enam minggu kerana yakin terhadap kualiti pendidikan di SCL.

"Pelajar seperti Dino inilah yang membawa dan menyebarkan obor kecemerlangan SCL di negara masing-masing. Saya mendapat ramai pelajar baru melalui bekas pelajar saya," kata Yunus.

Gloranna dari Itali, lepasan jurusan ekonomi di negaranya mengambil kursus selama dua bulan dengan bayaran RM4,200.

"Ketika saya mengikuti kursus di kolej ini ia banyak mewujudkan suasana rapat dan mesra," kata Gloranna.

Stephanie Hanley yang mengajar level tujuh dan enam di kolej itu gembira dengan layanan Yunus yang menjalankan tugasnya dengan profesional.

"Setiap Rabu, Yunus berbincang dengan kami di samping menyampaikan teknik mengajar lebih inovatif," kata Stephanie.

"Pengetua (Yunus) sangat mementingkan tentang kefasihan berbahasa Inggeris, teknik penyampaian dan menjalin kemesraan dengan pelajar," kata seorang lagi guru di kolej itu, Alison Fogg.

Yunus membayar di sekitar RM48,000 hingga RM72,000 sebulan kepada guru berdasarkan kelayakan seseorang.

"Saya membelanjakan kira-kira RM400,000 setahun membayar sewa bangunan," kata Yunus.

Pada 1994, apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dikecam hebat oleh akhbar Britain, The Sunday Times, melalui pengarangnya, Andrew Neil, Yunus adalah satu-satunya rakyat Malaysia yang sanggup menjawab tohmahan melalui program televisyen BBC.

"Beliau dapat menangkis tohmahan yang dilemparkan dengan berkesan bukan kerana memahami isu itu dengan mendalam tetapi kepetahannya menggunakan bahasa Inggeris.

Yunus dianugerahkan pingat yang membawa gelaran Datuk pada 1990 oleh Yang di-Pertuan Agong ketika itu, Raja Azlan Shah.

(END)